

Diambi sereta dibali ari: <https://www.mmea.gov.my/index.php/en/berita-utama-apmm/2214-mv-mahkota-abadi-di-tahan>

KOTA TINGGI, 6 SEPT - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Daerah Maritim 7 Tanjung Sedili telah menahan sebuah kapal di kedudukan lebih kurang 2.85 batu nautika tenggara Tanjung Sepang, Penggerang Johor.

Pengarah Maritim Daerah Tanjung Sedili, Kepten Maritim Hj. Amran bin Hj. Daud berkata, pihaknya menahan kapal tersebut ketika kapal tersebut sedang bersauh tanpa dokumen yang sah dan kapal tersebut berdaftar di Indonesia membawa sembilan orang kru termasuk kapten kapal berumur 23 tahun hingga 62 tahun warganegara Taiwan dan Filipina.

Menurut beliau, kapal tersebut telah diperiksa oleh bot ronda Maritim Malaysia semasa melakukan rondaan di kawasan tersebut dan mendapati kapal dagang tersebut gagal melaporkan ketibaan kepada Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia, bersauh tanpa kebenaran dan tiada dokumen kapal.

“Kapten Kapal dan dua krew kapal tersebut telah dibawa ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia Tanjung Sedili dan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat untuk tindakan selanjutnya,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Diambi sereta dibali ari: <https://www.mmea.gov.my/index.php/en/berita-utama-apmm/2242-tarik-pukat-kurang-3-batu-bot-pukat-tunda-di-tahan-maritim-kota-kinabalu>

KOTA KINABALU, 16 Oktober – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Daerah Maritim 15 Kota Kinabalu (DM15) telah menahan sebuah bot pukat tunda yang sedang melakukan aktiviti menangkap ikan kurang daripada tiga batu nautika di perairan Tanjung Gaya, semalam.

Bot Ronda Maritim yang sedang melaksanakan Ops Sejahtera telah mengesan sebuah bot nelayan pukat tunda dalam keadaan yang mencurigakan. Hasil pemeriksaan mendapati terdapat enam orang kru bot nelayan termasuk tekong lingkungan umur 20 hingga 45 tahun berada diatas bot tersebut. Kesemua mereka adalah warganegara Indonesia.

Pengarah Maritim Daerah, Laksamana Pertama Maritim Adam bin Hj Aziz berkata “bot tersebut ditahan kerana melanggar syarat sah lesen dibawah Akta Perikanan 1985 iaitu menangkap ikan kurang daripada tiga batu nautika daripada kawasan darat dan semua awak-awak termasuk tekong serta bot diiringi masuk ke jeti APMM Sepanggar.

Tambahnya lagi “ semua pengusaha bot nelayan haruslah mematuhi undang-undang dan tidak melanggar syarat sah lesen. Saya juga mengingatkan agar semua pengusaha bot tidak mementingkan keuntungan semata-mata sehingga mengakibatkan sumber ikan pupus dan kian berkurangan”.

Maritim Malaysia sentiasa mengambil berat atas aduan yang diterima dan sentiasa memantau aktiviti bot-bot nelayan serta akan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha bot yang mengambil peluang untuk menceroboh kawasan zon menangkap ikan atau kesalahan lain yang menyalahi syarat sah lesen.